

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFULINK
DANA URUS
PROFIL DANA **2016**

TAKAFUL & KAMI

Takaful merupakan konsep saling membantu yang berdasarkan pada prinsip-prinsip tanggungjawab bersama, kerjasama dan manfaat umum. Setiap peserta yang dilindungi menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam sebuah dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masa ia diperlukan.

Prinsip Takaful ialah untuk mendukung prinsip 'persaudaraan'. Berpegang teguh pada etika dan ketelusan prinsip Syariah yang melarang ketidakpastian (Gharar), perjudian (Maisir) dan faedah (Riba).

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam segala aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami direka bentuk bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

**Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA URUS

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana Dana Takafulink lain yang akan ditawarkan pada masa hadapan.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam portfolio seimbang yang merangkumi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, juga termasuk sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon, dan dalam mana-mana dana Takafulink lain yang akan ditawarkan pada masa hadapan.
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Di antara 70% hingga 90% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Ekuiti;• Di antara 10% hingga 30% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Bon; dan• Aset yang tidak dilabur dalam kedua-dua dana tersebut akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam yang mematuhi patuh Syariah.
Tanda Aras Prestasi	<ul style="list-style-type: none">• 80% Indeks Syariah Emas Bursa Malaysia FTSE (FBMSHA) + 20% kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 1 bulan.• Maklumat lanjutan mengenai FBMSHA boleh didapati di laman web Bursa Malaysia dan Bloomberg.• Maklumat lanjut mengenai kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 1 bulan boleh didapati di laman web Maybank2U.
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
Caj Pengurusan Aset Wakalah	1.3% setahun

TAKAFULINK DANA URUS

Prestasi Dana

Tahun	Takafulink Dana Urus	Tanda Aras*
2016	(2.08%)	(4.28%)
2015	4.78%	2.61%
2014	1.83%	(2.76%)
2013	11.85%	11.18%
2012	13.90%	10.05%

Nota Penting: Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

**Tanda aras 2012 – 2016: 80% FBMSHA + 20% kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 1 bulan.*

Notis: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Penentuan Harga Unit

- Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.
- Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.
- Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal adalah diambil kira secara automatik ke dalam harga unitnya.
- Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.

Penentuan Harga Hadapan

- Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

Dasar pengiraan prestasi lampau:

$$= \frac{\text{NAV* Untuk Tahun } n}{\text{NAV* Untuk Tahun } n-1} \% - 100\%$$

*NAV ialah pada dasar seunit

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang disenaraikan di bawah mengikut aturan kepentingannya:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam harga pasaran pelaburan. Harga sekuriti patuh Syariah yang dilabur oleh dana, berubah sebagai tindak balas kepada pelbagai faktor. Sebagai contoh, peristiwa atau berita yang berkaitan dengan sekuriti patuh Syariah serta pasaran umum dan/atau keadaan ekonomi.

- **Risiko Kecairan**

Ini merujuk kepada kadar di mana sekuriti patuh Syariah yang boleh dijual pada nilai atau nilai yang hampir dengan nilai berpatutan bergantung kepada jumlah yang diniagakan di pasaran. Sekuriti patuh Syariah yang tidak kerap diniagakan boleh dianggap sukar dicairkan dengan kemungkinan perlupusan berdiskaun pada harga yang berpatutan, sekiranya pengeluaran tersebut diperlukan untuk memenuhi keperluan kecairan dana. Risiko ini mungkin menjejaskan kedua-dua sukuk dan ekuiti patuh Syariah. Risiko ini dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti patuh Syariah yang sistematik dan kepelbagaian sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Kadar Pulangan**

Secara am, penilaian sukuk akan bergerak secara songsang mengikut pergerakan kadar pulangan. Oleh itu, penilaian sukuk mungkin jatuh apabila kadar pulangan meningkat dan sebaliknya. Pergerakan turun naik ini akan berkurangan apabila sukuk yang dikendalikan oleh dana menghampiri tempoh matang. Untuk mengurangkan kesan pergerakan kadar pulangan, Pengurus Dana akan menguruskan tempoh portfolio dengan mempelbagaikan tempoh pelaburan sukuk Dana berdasarkan pandangan Pengurus Dana terhadap trend kadar pulangan pada masa depan.

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

- **Risiko Sekuriti**

Sebarang pergerakan negatif dalam harga suatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah tertentu dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Kredit/Keingkaran**

Risiko ini merujuk kepada ketidakupayaan penerbit sukuk yang dipegang oleh Dana untuk membuat bayaran keuntungan atau pokok apabila matang. Sekiranya penerbit ingkar dalam membuat pembayaran keuntungan atau pokok, nilai Dana ini akan terjejas. Pengurus Dana akan mengurangkan risiko kredit/ingkar Dana dengan melakukan penyelidikan berterusan kredit fundamental dan analisis untuk menentukan kedudukan kredit penerbit. Pelaburan dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau mana-mana penarafan antarabangsa yang diiktiraf membantu mengurangkan risiko ini.

- **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan undang undang, peraturan, amalan, resolusi Syariah dan dasar dalaman yang ditetapkan oleh Pengurus Dana serta prosedur sama ada disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, amalan, resolusi Syariah dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, mungkin tidak mematuhi mandat pelaburan dana unit amanah. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana dengan yang berikut:

- pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;
- pemantauan had pelaburan dan sekatan dari sistem yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk membuat pelaburan yang juga mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalaman seperti pelanggaran pelaburan; dan
- laporan risiko operasi dan pelaburan berkala kepada pihak pengurusan kanan.

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

- **Risiko Inflasi**

Inflasi menyebabkan kekurangan kuasa pembelian dan jika kadar inflasi sentiasa lebih tinggi daripada kadar pulangan pada pelaburan, nilai akhir sebenar pelaburan mungkin adalah negatif. Oleh itu, para pelabur harus mempertimbangkan potensi kadar pulangan sebenar sebelum membuat pelaburan.

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran untuk memilih dana sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana-dana ini dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam dana sasaran.

Dana sasaran mungkin berubah objektif dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana masing-masing. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan dana sasaran yang sepadan dengan dana pelaburan kolektif patuh Syariah lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana dalam memenuhi objektif Dana masing-masing. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

- **Risiko Pengelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko yang sekuriti patuh Syariah di Dana boleh diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah apabila kajian berkala sekuriti oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SACSC). Jika ini berlaku, Pengurus Dana akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut, bersesuaian dengan garis panduan yang telah diluluskan.

Dana berkemungkinan mengalami kerugian kerana tidak dibenarkan untuk menyimpan hasil keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti tidak patuh Syariah. Nilai Dana juga mungkin akan terjejas sekiranya ekuiti tidak patuh Syariah dilupuskan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.

TAKAFULINK DANA URUS

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunapakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:-

- memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- memantau prestasi Dana;
- mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit dan pematuhan, jawatankuasa syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Pasaran Sasaran Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana ke tinggi dan jangka masa pelaburan panjang ke sederhana
Dasar & Kekerapan Penilaian unit	Penentuan harga Hadapan Harian.
Keadaan dikecualikan	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN berhak, di bawah keadaan tertentu (contohnya, apabila terdapat jumlah pelaburan tinggi yang luar biasa dalam tempoh yang singkat) untuk menangguhkan pengeluaran unit dan penyerahan sijil bagi tempoh tidak melebihi enam (6) bulan daripada tarikh permohonan.• PruBSN akan menggantung penetapan harga unit dan transaksi sijil jika mana-mana bursa di mana Dana dilaburkan digantung buat sementara waktu untuk didagangkan. Dalam keadaan sedemikian, notis bertulis akan diberi kepada peserta-peserta.

Catatan:

- MBB** - Malayan Banking Berhad
NAV - Nilai Aset Bersih (*Net Asset Value*)

Penafian:

Profil dana ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan sebarang gabungannya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2053 7188 Faks: 03 2072 6188

E-mel: customer@prubsn.com.my SMS PruBSN dan hantar ke 33080

www.prubsn.com.my

AHLI



*Semua maklumat adalah betul semasa percetakan.
Dicetak pada xx Mac 2017*